

# KELUARGA *Harmoni*

## 5 PEMBOHONGAN YANG LELAKI PERCAYA TENTANG WANITA

15 - 31 JULAI 2009 • BIL: 115 • PP 13660/01/2010 (023282) • Semananjung Malaysia RM4.00

TUNJUKKANLAH  
JALAN TERBAIK  
BUATKU...

**PELINCIR**  
Memaksimumkan  
Kenikmatan  
Hubungan Intim



Audit Bureau  
of Circulation



Dilahirkan Tanpa Kemaluan  
MASA DEPAN NABIL KELAM?

DIANA  
DANIELLE  
DITEGAH  
BERCINTA

**FOKUS:**  
JENAYAH  
RAGUT  
MENGHANTUI  
WANITA

# Sahliah Lahirkan Ratusan Usahawan TUPPERWARE

**R**UTIN harian yang sibuk dan padat sudah menjadi sebahagian gaya hidup personaliti penghias ruangan Wanita Sukses pada kali ini, Sahliah Kamsani.

Meskipun kepenatan, isteri kesayangan Abdul Wahid Manan ini tidak pernah mengeluh apatah lagi menyesali keputusannya meninggalkan kerjaya sebagai setiausaha demi memberi sepenuh perhatian terhadap perniagaan jualan langsung Tupperware.

Ternyata 'transformasi kerjaya' yang dilakukannya itu tidak sia-sia. Malahan dari awal lagi Sahliah sebenarnya sudah melihat perniagaan tersebut mampu

membawanya pergi lebih jauh. Mana tidaknya, hasil pendapatan jualan Tupperware yang diperolehnya dalam sebulan berlipat kali ganda nilainya berbanding wang gajinya.

Sejak itu, tanpa mahu menoleh ke belakang beliau semakin bersemangat untuk meningkatkan jualan. Enam tahun bergelar Associate Executive Director (AED), Sahliah akhirnya diberi kepercayaan untuk mengendalikan

sebuah premis jualan Tupperware dengan modal RM200,000.

Kini, setelah hampir 22 tahun berkecimpung dalam perniagaan tersebut, Sahliah mampu tersenyum bangga melihat hasil penat lelahnya selama ini berbalas. Bagi Sahliah, segala pahit manis yang dilalui dulu memberi makna yang cukup bernilai untuk dirinya membina kejayaan.

"Bukan mudah untuk saya mencapai kejayaan seperti yang saya kecapai kini. Untuk sampai ke tahap sekarang (Senior Executive Director) saya perlu bekerja keras. Lebih-lebih lagi, saya kini sedang berusaha untuk berada di kedudukan paling atas iaitu sebagai *Presidential Director*.

"Cabaran yang perlu saya tempuhi juga bukan calang-calang malahan hampir membuatkan saya 'jatuh tersungkur'. Paling hebat adalah sewaktu berlakunya krisis ekonomi dunia yang melanda pada tahun 1997. Sukar untuk saya gambarkan keadaan saya pada waktu itu apabila terpaksa menanggung hutang bernilai ratusan ribu yang bukan sedikit nilainya.



Sebahagian koleksi eksklusif barangan plastik jenama Tupperware dalam simpanan Sahliah.

"Bagaimanapun, saya amat beruntung kerana suami dan keluarga tidak putus-putus memberikan semangat. Malah saya juga amat bertuah kerana masih mendapat kepercayaan yang tinggi daripada pihak syarikat. Bermula dari situ saya bangkit kembali membina kekuatan dan bekerja lebih keras untuk memburu kejayaan," ujar Saliah yang berasa gembira kerana sebagai anak Melayu dia mampu menempatkan dirinya setaraf kaum bukan bumiputera yang selama ini memonopoli perniagaan itu.

### JUALAN RM1 JUTA SEBULAN

Meskipun berada dalam kedudukan 'selesa', namun itu bukan alasan untuk Sahlih terus gigih berusaha. Baginya, selagi impian dan cita-citanya belum terlaksana selagi itulah dia perlu terus bekerja keras.

"Saya punya cita-cita dan impian besar untuk mencatat rekod jualan sebanyak RM1 juta sebulan. Justeru, kini saya sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikannya.

"Setakat ini, saya telah berjaya membuat jualan RM500,000 sebulan. Insya-Allah sekiranya tiada halangan, impian RM1 juta sebulan itu bakal terlaksana menjelang 2011 nanti," ujarnya yang telah berjaya melahirkan ratusan usahawan Tupperware sejak mula berkecimpung di dalam lapangan perniagaan itu.

### BANTU IBU TUNGGAL DAN PENGANGGUR

Berbekalkan objektif untuk mengubah sekali gus meningkatkan taraf hidup



*Bekerja keras untuk bergelar jutawan Tupperware.*



*Wanita kental yang tidak pernah mudah mengaku kalah.*



*Sentiasa bekerja keras untuk memburu kejayaan.*

seorang, Sahlih bangkit menyeru kaum wanita terutama yang bergelar ibu tunggal atau kehilangan pekerjaan untuk turut serta berkecimpung dalam dunia perniagaan Tupperware.

"Saya sentiasa mengalu-alukan penglibatan wanita-wanita di luar sana terutama yang bergelar ibu tunggal untuk turut serta dalam perniagaan Tupperware. Inilah peluang keemasan bagi mereka yang ingin memasuki alam perniagaan dan sesuai sekali untuk golongan yang telah diberhentikan kerja atau tiada pekerjaan.

"Dengan mendaftar sebanyak RM290, ahli akan mendapat kit produk dan boleh menganjurkan parti Tupperware di rumah dengan tunjuk ajar daripada pengarah dan ketua organisasi teratas.

"Melihat kejayaan 'anak-anak didik' memberi satu kepuasan pada saya. Manakan tidak, bermula dari bawah dengan bimbingan dan tunjuk ajar saya, mereka akhirnya mampu 'berdiri dengan kaki sendiri'.



*Bersama sebahagian produk jenama Tupperware di premisnya.*